

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad berkaitan Promosi CIMB Clicks elinvest ("Promosi")

1. Tempoh Promosi

1.1 Promosi ini dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad ("Bank" atau "CIMB Bank") dan bermula dari 8 November hingga 13 Januari 2012, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Promosi"). Bank berhak membuat perubahan dengan memberikan notis yang munasabah akan tempoh, tarikh mula berkuatkuasa dan atau tarikh tamat Tempoh Promosi tersebut.

2. Kelayakan

2.1 Promosi ini terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ("Pelanggan (Pelanggan-pelanggan)").

2.2 Kakitangan CIMB Group tidak layak atau berhak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini. Bagi maksud Terma-terma dan Syarat-syarat ini, CIMB Group hendaklah bermaksud kumpulan syarikat-syarikat / entiti-entiti yang diperbadankan di Malaysia yang mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk CIMB Group Sdn Bhd mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya.

2.3 Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan-pelanggan mestilah melabur dalam Tempoh Promosi dalam mana-mana Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai melalui saluran CIMB Clicks ("Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) yang Layak"). Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai adalah dana-dana unit amanah terpilih daripada syarikat-syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlakinya. Senarai Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai ini boleh didapati di http://www.cimbclicks.com.my/unitrust_intro.htm dan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank mengikut budi bicara mutlakinya sebaik memberikan notis yang secukupnya terlebih dahulu.

3. Promosi

3.1 Pelanggan-pelanggan yang Layak yang melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai yang diagihkan melalui saluran CIMB Clicks semasa Tempoh Promosi berhak untuk menikmati caj jualan promosi sebanyak 1.5%.

4. Am

4.1 Dengan menyertai dalam Promosi ini, semua Pelanggan yang Layak adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju bahawa keputusan Bank berhubung dengan semua aspek Promosi adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Pelaburan dalam Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain bagi Dana Unit Amanah Ekuiti dan syarikat-syarikat pengurusan unit amanah masing-masing yang mana adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini.

4.2 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara tidak sengaja, berhubung dengan, sebagai contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga) walaubagaimanapun sekalipun timbul sama ada melalui kontrak, tort, kecuaiian, atau sebaliknya, berkaitan dengan Promosi ini, walaupun Bank telah dinasihatkan akan kemungkinan berlakunya kerosakan yang dimaksudkan terlebih dahulu, dan kesemua kerugian tersebut adalah dengan ini secara nyatanya dikecualikan.

4.3 Bank mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Promosi ini selepas memberi notis yang secukupnya. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Promosi ini tidak membolehkan mana-mana Pelanggan yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau yang ditanggung oleh Pelanggan-pelanggan

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad berkaitan Promosi CIMB Clicks elinvest ("Promosi")

yang Layak akibat daripada kesan secara langsung atau tidak langsung tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.

- 4.4 Bank mempunyai hak setelah memberikan notis yang secukupnya untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan, atau bagaimana sekalipun) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak berkenaan Pindaan hendaklah dilaksanakan atas budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang Layak yang diketahui atau dengan menampal satu notis mengenai Pindaan pada setiap cawangan Bank atau dengan mengiklankan berkenaan Pindaan tersebut dalam satu akhbar pilihan Bank atau melalui laman web Bank dan Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan tersebut atau dari tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan itu.
- 4.5 Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sepertimana ia mungkin boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 4.4, akan diutamakan berbanding mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Promosi ini.
- 4.6 Untuk sebarang maklumat, pertanyaan, maklum balas dan / atau aduan berkaitan dengan Promosi ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank pada alamat, e-mel, nombor telefon dan faksimili berikut (atau alamat, nombor telefon dan faksimili lain yang mungkin diubah oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan-pelanggan yang Layak): *Unit Resolusi Pelanggan, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur; e-mail: cru@cimb.com; Tel: 1-300- 880- 900; Faks: 603- 26913248.*
- 4.7 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang terkandung di sini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas apabila permintaan dibuat oleh Pelanggan yang Layak untuk terma-terma dan syarat-syarat versi Bahasa Malaysia yang terkandung di sini, Bank hendaklah memberikannya kepada Pelanggan yang Layak dan sekiranya perjanjian itu dibuat atas dasar ini, maka Terma-terma dan Syarat-syarat versi Bahasa Malaysia ini akan diguna pakai.
- 4.8 Pelaburan-pelaburan dalam unit amanah bukanlah obligasi-obligasi, deposit, dijamin atau diinsuranskan oleh Bank dan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan-pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami prospektus utama dan tambahan prospektus utamanya yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti sebelum melabur. Pelanggan-pelanggan yang Layak boleh melihat prospektus di http://www.cimbclicks.com.my/unitrust_intro.htm. Harga-harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin naik atau turun. Pelanggan-pelanggan yang Layak juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Unit-unit akan diterbitkan setelah pengesahan pembelian oleh Bank dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain yang mana adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat terkandung di sini. Rekod prestasi dana masa lalu tidak seharusnya dijadikan panduan untuk mengukur prestasi pelaburan pada masa akan datang dan pengagihan pendapatan adalah tidak dijamin. Pelanggan-pelanggan yang Layak harus bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit-merit dan risiko-risiko akan sebarang pelaburan. Pelanggan-pelanggan yang Layak yang berada dalam keraguan tentang tindakan yang akan diambil oleh mereka harus berunding dengan penasihat-penasihat profesional mereka dengan serta-merta. Semua Dana Unit Amanah (termasuk Dana Unit Amanah Ekuiti yang Menyertai) adalah tidak layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
- 4.9 Pelanggan-pelanggan yang Layak adalah tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah seksyen 152 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). Dana pampasan tidak meliputi Pelanggan yang Layak yang mengalami kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penipuan penyalahgunaan wang atau lain-lain harta, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil Bank. Jika Pelanggan yang Layak mengalami kerugian kewangan dalam

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad berkaitan Promosi CIMB Clicks eInvest ("Promosi")

keadaan-keadaan di atas berhubung dengan tindakan kakitangan-kakitangan Bank, Pelanggan yang Layak boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan (CRU) kami seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4.6. Pelanggan yang Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU kami boleh merujuk kes itu kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penerimaan keputusan akhir daripada CRU. Aduan Pelanggan yang Layak hanya akan diuruskan melalui salah satu daripada saluran di atas yang Pelanggan yang Layak pilih untuk merujuk kes tersebut.

Promosi CIMB Clicks eInvest ("Promosi")

Terma-terma dan Syarat-syarat

1. Tempoh Promosi

- 1.1 Promosi ini dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank" atau "CIMB Islamic Bank") dan bermula dari 8 November hingga 13 Januari 2012, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Promosi"). Bank berhak membuat perubahan dengan memberikan notis yang munasabah akan tempoh, tarikh mula berkuatkuasa dan atau tarikh tamat Tempoh Promosi tersebut.

2. Kelayakan

- 2.1 Promosi ini terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ("Pelanggan (Pelanggan-pelanggan)").
- 2.2 Kakitangan CIMB Group tidak layak atau berhak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini. Bagi maksud Terma-terma dan Syarat-syarat ini, CIMB Group hendaklah bermaksud kumpulan syarikat-syarikat / entiti-entiti yang diperbadankan di Malaysia yang mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk CIMB Group Sdn Bhd mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya.
- 2.3 Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan-pelanggan mestilah melabur dalam Tempoh Promosi dalam mana-mana Dana Unit Amanah Ekuiti yang mematuhi undang-undang Syariah yang Menyertai melalui saluran CIMB Clicks ("Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) yang Layak"). Dana Unit Amanah Ekuiti yang mematuhi undang-undang Syariah yang Menyertai adalah dana-dana unit amanah terpilih daripada syarikat-syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Senarai Dana Unit Amanah Ekuiti yang mematuhi undang-undang Syariah yang Menyertai ini boleh didapati di http://www.cimbclicks.com.my/unitrust_intro.htm dan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya sebaik memberikan notis yang secukupnya terlebih dahulu.

3. Promosi

- 3.1 Pelanggan-pelanggan yang Layak yang melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Ekuiti yang mematuhi undang-undang Syariah yang Menyertai yang diagihkan melalui saluran CIMB Clicks semasa Tempoh Promosi berhak untuk menikmati caj jualan promosi sebanyak 1.5%.

4. Am

- 4.1 Dengan menyertai dalam Promosi ini, semua Pelanggan yang Layak adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju bahawa keputusan Bank berhubung dengan semua aspek Promosi adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Pelaburan dalam Dana Unit Amanah Ekuiti yang mematuhi undang-undang Syariah yang Menyertai adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain bagi Dana Unit Amanah Ekuiti dan syarikat-syarikat pengurusan unit amanah masing-masing yang mana adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 4.2 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara tidak sengaja, berhubung dengan, sebagai contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga) walaubagaimana sekalipun timbul sama ada melalui kontrak, tort, kecuaiian, atau sebaliknya, berkaitan dengan Promosi ini, walaupun Bank telah dinasihatkan akan kemungkinan berlakunya kerosakan yang dimaksudkan terlebih dahulu, dan kesemua kerugian tersebut adalah dengan ini secara nyatanya dikecualikan.
- 4.3 Bank mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Promosi ini selepas memberi notis yang secukupnya. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Promosi ini tidak membolehkan mana-mana Pelanggan yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad berkaitan Promosi CIMB Clicks elinvest ("Promosi")

Bank terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau yang ditanggung oleh Pelanggan-pelanggan yang Layak akibat daripada kesan secara langsung atau tidak langsung tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.

- 4.4 Bank mempunyai hak setelah memberikan notis yang secukupnya untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan, atau bagaimana sekalipun) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan yang Layak berkenaan Pindaan hendaklah dilaksanakan atas budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang Layak yang diketahui atau dengan menampal satu notis mengenai Pindaan pada setiap cawangan Bank atau dengan mengiklankan berkenaan Pindaan tersebut dalam satu akhbar pilihan Bank atau melalui laman web Bank dan Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan tersebut atau dari tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan itu.
- 4.5 Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sepertimana ia mungkin boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 4.4, akan diutamakan berbanding mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Promosi ini.
- 4.6 Untuk sebarang maklumat, pertanyaan, maklum balas dan / atau aduan berkaitan dengan Promosi ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank pada alamat, e-mel, nombor telefon dan faksimili berikut (atau alamat, nombor telefon dan faksimili lain yang mungkin diubah oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan-pelanggan yang Layak): *Unit Resolusi Pelanggan, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur*; e-mail: cru@cimb.com; Tel: 1-300- 880- 900; Faks: 603- 26913248.
- 4.7 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang terkandung di sini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas apabila permintaan dibuat oleh Pelanggan yang Layak untuk terma-terma dan syarat-syarat versi Bahasa Malaysia yang terkandung di sini, Bank hendaklah memberikannya kepada Pelanggan yang Layak dan sekiranya perjanjian itu dibuat atas dasar ini, maka Terma-terma dan Syarat-syarat versi Bahasa Malaysia ini akan diguna pakai.
- 4.8 Pelaburan-pelaburan dalam unit amanah bukanlah obligasi-obligasi, deposit, dijamin atau diinsuranskan oleh Bank dan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan-pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami prospektus utama dan tambahan prospektus utamanya yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti sebelum melabur. Pelanggan-pelanggan yang Layak boleh melihat prospektus di http://www.cimbclicks.com.my/unitrust_intro.htm. Harga-harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin naik atau turun. Pelanggan-pelanggan yang Layak juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Unit-unit akan diterbitkan setelah pengesahan pembelian dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat. Rekod prestasi dana masa lalu tidak seharusnya dijadikan panduan untuk mengukur prestasi pelaburan pada masa akan datang dan pengagihan pendapatan adalah tidak dijamin. Pelanggan-pelanggan yang Layak harus bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit-merit dan risiko-risiko akan sebarang pelaburan. Pelanggan-pelanggan yang Layak yang berada dalam keraguan tentang tindakan yang akan diambil oleh mereka harus berunding dengan penasihat-penasihat profesional mereka dengan serta-merta.
- 4.9 Pelanggan-pelanggan yang Layak adalah tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah seksyen 152 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). Dana pampasan tidak meliputi Pelanggan yang Layak yang mengalami kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penipuan penyalahgunaan wang atau lain-lain harta, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil Bank. Jika Pelanggan yang Layak mengalami kerugian kewangan dalam keadaan-keadaan di atas berhubung dengan tindakan kakitangan-kakitangan Bank, Pelanggan yang Layak boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan (CRU) kami seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4.6. Pelanggan

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad berkaitan Promosi CIMB Clicks eInvest ("Promosi")

yang Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU kami boleh merujuk kes itu kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penerimaan keputusan akhir daripada CRU. Aduan Pelanggan yang Layak hanya akan diuruskan melalui salah satu daripada saluran di atas yang Pelanggan yang Layak pilih untuk merujuk kes tersebut.